

Terbitkanlah buku-buku, majalah-majalah, dan akhbar-akhbar dengan huruf

Rumi, tidak ada sesiapa yang melarang, vuma ada penyakitnya

– tidak laku dan merugikan peterbitnya!

Tentang katanya, bahasa Melayu sekarang tidak mendapat perhatian dari luar kerana disekat oleh tulisan, adakah maksudnya kalau segala akhbar Melayu (Malaya) serentap memakai tulisan Rumi akan dapat dibaca oleh orang-orang Turki, Mesir dan Pakistan? Kalau kalimah “luar” itu maksudnya orang-orang Indonesia pula, itu pun tidak kena pada tempatnya.

Perhubungan Malaya-Indonesia tidak tersekat sama sekali dalam persuratan. Kita yang di sebelah sini mengerti dan faham tulisan Rumi Indonesia dan orang-orang Indonesia pula bukan sedikit yang mengerti dan faham tulisan Melayu huruf Arab seperti yang kita gunakan itu. Terutama penduduk-penduduk Aceh, Medan, Minangkabau, Palembang, Jawa, Banjar dan lainnya.

Bukankah telah jelas sekarang bahawa majalah itu sengaja hendak membuat rebut, atau taufan di dalam cawan?

Sebenarnya, maju mundur sesuatu bahasa tidak tergantung kepada tulisannya, tetapi kepada kedaulatan dan kemerdekaan bangsa itu di tanah airnya sendiri!

Jepun telah mencapai setinggi-tinggi kemajuan dengan tulisan cakar ayamnya. Tatkala Jepun memerintah Malaya dahulu, sekalian penduduk berbuat-buat mempelajari bahasanya, kerana ialah bahasa pemerintah yang berkedaulatan yang telah menjadikan bahasanya hidup, maju dan memberi faedah kepada bangsa asing yang mempelajarinya. Tidak pula Jepun menukarkan huruf kata-katanya dengan huruf Rumi!

Demikian juga bahasa Melayu akan hidup dan maju setelah bangsa Melayu dapat menjadikan dirinya suatu bangsa yang merdeka dan berdaulat di tanah airnya sendiri. Pada ketika itu segala bangsa asing penduduk Malaya yang menjadi rakyat Melayu atau yang menumpang sahaja akan berbuat-buat mempelajari bahasa Melayu, sebagaimana mereka telah berbuat-buat mempelajari bahasa Inggeris, dan bahasa Jepun dahulu.

Pada masa itu juga segala tohmahan yang mengatakan tulisan Melayu (huruf Arab) itu menyekat dan menghalang kemajuan bahasa Melayu, sudah tentu akan tersampai suaranya!

# BAHASA MELAYU

(oleh Musyfa')

Dalam majalah yang cemerlang ini (Qalam) yang lepas bilangan 15 telah saya sebutkan perihal seorang sahabat saya yang telah mengatakan bahawa menterjemahkan firman-firman Allah di dalam Al-Quran Al-Karim dan hadis-hadis Nabi atau risalah-risalah agama Islam, tidak boleh diubah-ubah makna perkataan-perkataan Arab satu persatunya itu ke bahasa Melayu, maka di sini sebagai melanjutkan lagi perkataan-perkataan atau maksud-maksud saya yang sudah-sudah itu bahawa tentang-tentangnyanya mestilah diubah makna barang sesuatu perkataan Arab itu ke perkataan Melayu walaupun berlainan ertinya akan tetapi maksudnya hendaklah betul dan memberi faham yang sebenar-benarnya.

Maka sekarang jika sekiranya saya turut jugalah sebagaimana kehendak petua sahabat saya ini nescaya tidaklah saya salah menterjemahkan firman Tuhan:- “ar’rijalu qauwamuna alal nisaa” itu begini – lelaki semuanya berdiri di atas perempuan, akan tetapi tentulah ini tidak betul pada maksudnya yang sebenar di sisi orang-orang Melayu yang bukan alim ulama atau mereka yang tiada tau bahasa Arab dan boleh jadi setengah daripada mereka itu kelak tertawakan terjemahan saya itu dan ada pula kelak bertanya tentang atas manakah pihak tubuh perempuan itu, lelaki berdiri – di atas perut, atau dada, atau kepala perempuan itukah? Pada halnya perkataan Arab “qauwamu” itu boleh diubah dan diganti dengan perkataan Melayu “kuasa” yakni berkuasa lelaki di atas perempuan, atau lelaki berhak kuasa memerintah dan menegah perempuan menurut hukum agama Islam.

Selain daripada yang di atas ini pula yang lebih lagi salah, iaitu sepatah perkataan Arab yang lain sememang telah tetap dan betul ertinya, telah sekarang diubah dengan sepatah perkataan Arab yang lain yang sangat berlainan sebutannya dan berlainan pula ertinya maka perbezaannya itu bolehlah dimisalkan seperti

langit dan bumi.

Saya telah baca majalah “Mastika” keluaran bulan September 1951, di ruangan “Kamus Mastika” itu. Agaknya tuan penyusun kamus itu terkhalaf, atau pun sengaja mengatakan: Abad kurun, 100 tahun dan Tuan Haji Shamsudin bin Mohammad Yunus (Pulau Pinang) mengatakan pula di dalam kamus Melayunya yang telah dikarangnya di dalam tahun 1935 itu :- abad masa berhad seribu tahun, kurun pada pengetahuan saya dan orang-orang lain yang sama seperti saya, tidak tahu betul bahasa Arab, mengerti juga bahawasanya “abad” itu bukan maknanya seratus ribu tahun, atau seribu tahun.

Tidakkah nampaknya kedua-dua tuan pengarang kamusnya masing-masing itu telah berpenat lelah dengan berselisih pendapat masing-masing pula, hendak menyatukan dan mengelirukan faham anak-anak bangsanya sendiri?

Dan lagi terdengar saya setengah daripada orang-orang muda kita Melayu di Malaya ini berkata bahawa adalah perkataan “abad” itu telah banyak dipakai oleh orang-orang Indonesia dan orang-orang Indonesia itu sememang terkaya di dalam bahasa Melayu dan bahasa-bahasa asing pun, daripada kita anak-anak Melayu semenanjung ini. Saya suka menerangkan di sini bahawa tidakkah sekali-kali terlintas di hati saya hendak menerangkan mutu pengetahuan saudara-saudara kita di Indonesia itu, akan tetapi hendaklah kita masing-masing ingat, sesungguhnya saudara-saudara kita di Indonesia itu pun manusia dan makhluk Allah juga seperti kita sekalian, maka tiada boleh diakui yang saudara-saudara kita itu cukup melengkap pengetahuan masing-masing dan bersihlah mereka itu sekalian daripada salah dan khilaf, kerana salah dan khilaf itu ialah satu daripada tabiat keadaan dan pakaian semula jadi kita manusia yang dijadikan Allah Tuhan yang Maha Mengetahui Bijaksana lagi Berkuasa di atas tiap-tiap sesuatunya.

Telah ada hadis mengatakan “a'mal liduniyaka ka'annaka taisyu abadan, wa a'mal liakhirataka ka'annaka tamutu qadan” bahawa erti maksudnya – berusaha bagi kesenangan dunia kamu seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya (“abadan” bukan

100 tahun atau 1000 tahun iaitu yang berhad atau bersekatan) dan berusaha kamu bagi kesejahteraan dan kesenangan akhirat kamu seolah-olah kamu akan mati besok.

Ada pula kalam-kalam Allah Taala di dalam Quran maka di sini saya cuma sebutkan dua sahaja dengan ringkas dan tidak pula saya Melayukan kerana tujuan saya semata-mata berkenaan dengan perkataan-perkataan “abad” dan “abada” – (1) jazauhum inda rabbihim jannatu adni tajri min tahtih alharu khalidina fiha abada” – dan (2) “illa balagha minnal Allahi warisalatih wamin yak'su llahi warusulih fainnalahu nara jahannama khalidina fiha abada”

Tidakkah ketiga-tiga perkataan “abada” satu di dalam hadis Nabi (SAW) dan dua kalam Allah di dalam quran seperti yang saya sebutkan di atas ini ertinya selama-lamanya? Dan juga saya percaya bahawa sekalian alim ulama dan orang-orang lain yang tau bahasa Arab samada yang di Malaya dan mereka yang seumpama yang demikian di Indonesia tentu bersatu faham dan suara mengatakan “abad” dan “abada” itu ertinya selama-lamanya yakni tidak berhad masanya, dan “kurun” itu ertinya 100 tahun, kurun itu beratus-ratus tahun mengikut bilangan beberapa ratus tahun, maka oleh yang demikian apakah salahnya jika kita Melayukan “kurun” itu “ratusan tahun”? iaitu yang terlebih baik dan tepat tiap-tiap 100 tahun, ganti daripada memandai-mandai dengan mendegil menurut pada yang salah dengan jalan “hentam keromo” sahaja!

Perkahwinan itu mustahak bukannya bagi mendapat keturunan sahaja tetapi ialah bagi berkasih-kasihan. Berlemah lembut bertimbang rasa di dalam pergaulan. Sebelum saya kahwin saya tidak cinta kepada anak tetapi sekarang tiap-tiap kanak-kanak yang saya lihat saya rasa seperti anak saya sendiri – kata Amir Syakib Arsalan.

\*\*\*\*\*

Tidak ada suatu gelaran yang mulia dan terhormat lebih daripada gelaran menjadi hamba Allah – ahli syair.

\*\*\*\*\*

Kemajuan sesuatu kaum itu sentiasa jadi suatu bahaya bagi kaum yang lain – ahli syair.